

Saran premis niaga guna MySejahtera



Pendaftaran dan pengawalan kemasukan pelawat secara berstruktur itu memudahkan pihak berkuasa memantau serta mendapatkan maklumat individu sekiranya berlaku kes COVID-19, di kawasan tertentu.

**Hasnol Zam Zam Ahmad,
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan
Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna**

Langkah mudahkan pemantauan, dapat maklumat pengunjung

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyarankan semua premis perniagaan di pusat pentadbiran kerajaan menggunakan aplikasi MySejahtera untuk mendaftar dan mengawal kemasukan pelawat ke premis perniagaan.

Ketua Setiausaha, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, berkata pendaftaran dan pengawalan kemasukan pelawat secara berstruktur itu memudahkan pihak berkuasa memantau serta mendapatkan maklumat individu sekiranya berlaku kes CO-

VID-19, di kawasan tertentu.

Katanya, sebanyak 75 peratus premis perniagaan di pusat beli-belah Alamanda menggunakan aplikasi berkenaan, manakala selebihnya menggunakan aplikasi persendirian.

"Kita menyarankan pihak yang menggunakan aplikasi persendirian bertukar kepada aplikasi MySejahtera bagi memudahkan pihak kerajaan memantau," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat advokasi penggunaan aplikasi MySejahtera, di Alamanda di sini semalam.

Yang turut hadir, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr Aminuddin Hassim dan Ketua Pengarah KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman.

Aplikasi MySejahtera diperkenalkan kerajaan itu mula digunakan, 2 Jun lalu di tiga premis AEON.

Hasnol berkata, semua premis perniagaan wajar menggunakan aplikasi itu kerana memudahkan

pelanggan dan tidak perlu menunggu lama serta berbaris panjang.

Katanya, pihaknya akan bekerjasama dengan PPj bagi menggalakkan peniaga di pusat kerajaan itu menggunakan aplikasi MySejahtera di setiap premis perniagaan.

Beliau berkata, sewaktu pemeriksaan pihaknya turut mendapati ada premis tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan kerana gagal merekodkan butiran pelanggan dan memeriksa suhu badan.

"Premis gagal mematuhi SOP diberikan amaran lisan dan jika mengulangi kesalahan akan dikenakan tindakan termasuk tidak dibenarkan beroperasi.

"Penguat kuasa kami akan mengadakan pemeriksaan semula ke premis perniagaan tidak mematuhi SOP, selain pastikan tiada peniaga menaikkan harga sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)," katanya.